



UNIVERSITI
MALAYA

Garis Panduan Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna (*Zero Single-Use Plastics*) di Universiti Malaya

2026

Versi 2





1. Pendahuluan

Garis Panduan Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna (*Zero Single-Use Plastics*) di Universiti Malaya disediakan sebagai dokumen rujukan kepada semua portfolio, Pusat Tanggungjawab (PTj) serta penaja sementara atau bergerak di bawah seliaan PTj bagi melaksanakan inisiatif Sifar Plastik Sekali Guna secara menyeluruh dan bersepadu di Universiti Malaya (UM).

2. Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk:

- (1) Memberikan panduan pelaksanaan inisiatif Sifar Plastik Sekali Guna di UM;
- (2) Menyeragamkan pelaksanaan penggunaan perkakas makanan dan minuman yang boleh diguna semula atau alternatif mesra alam; dan
- (3) Memperkukuh amalan kemampanan melalui pengurangan penggunaan plastik sekali guna.

3. Tanggungjawab

Ketua Portfolio, Ketua PTj dan Pengarah, Pusat Pembangunan Mampan (UMSDC) bertanggungjawab menerajui, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan garis panduan ini. Semua portfolio, PTj serta pihak luar yang menganjurkan program atau menggunakan fasiliti UM di bawah seliaan PTj, termasuk penaja sementara atau bergerak yang dilantik hendaklah mematuhi garis panduan ini dalam penganjuran majlis rasmi dan program Universiti.



4. Objektif

Objektif pelaksanaan Garis Panduan Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna di UM adalah seperti berikut:

- (1) Menghentikan penggunaan semua jenis perkakas makanan dan minuman plastik sekali guna bagi tujuan penyajian, penghidangan, pembungkusan atau penyerahan makanan dan minuman dalam semua majlis rasmi dan program UM, termasuk yang dianjurkan oleh atau dengan kerjasama pihak luar, sama ada di dalam atau di luar kampus, dengan mengutamakan penggunaan perkakas boleh diguna semula dan mempertimbangkan alternatif berasaskan bahan mesra alam.
- (2) Memperkukuh pematuhan serta membudayakan amalan kemampunan dalam pelaksanaan inisiatif Sifar Plastik Sekali Guna melalui pendekatan yang bersepadu dan konsisten dalam kalangan warga UM, penganjur program, vendor, agensi luar dan penaja sementara/bergerak.
- (3) Mengurangkan penajaan sisa plastik dan risiko pencemaran alam sekitar, sekali gus menyokong aspirasi UM ke arah kampus neutral karbon menjelang 2030 dan kampus sifar bersih (*net zero*) menjelang 2050.



5. Definisi

Bagi tujuan garis panduan ini, definisi yang digunakan adalah seperti berikut:

(1) Perkakas Makanan dan Minuman

Merangkumi semua peralatan, bekas, aksesori, pembungkus dan beg yang digunakan bagi tujuan penyajian, penghidangan, pembungkusan atau penyerahan makanan dan minuman. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, cawan, pinggan, mangkuk, bekas makanan, penutup bekas, sudu, garpu, pisau, penyedut minuman (*straw*), pengacau minuman (*stirrer*), bekas sos, beg makanan, pembungkus, serta apa-apa peralatan atau komponen lain yang mempunyai fungsi yang sama.

(2) Perkakas Makanan dan Minuman Boleh Guna Semula

Perkakas makanan dan minuman yang direka bentuk, diperbuat dan sesuai untuk digunakan berulang kali melalui proses pengumpulan, pencucian dan pensterilan tanpa menjejaskan aspek keselamatan, kebersihan atau fungsinya. Contohnya termasuk kutleri keluli tahan karat, cawan plastik berkualiti tinggi yang boleh diguna semula, serta pinggan, mangkuk dan gelas yang diperbuat daripada kaca, seramik, melamine atau bahan lain yang tahan lama.

(3) Perkakas Makanan dan Minuman Berasaskan Bahan Mesra Alam

Perkakas makanan dan minuman yang diperbuat daripada bahan yang dapat meminimumkan impak terhadap alam sekitar sepanjang kitar hayatnya, khususnya selepas pelupusan. Ini termasuk bahan yang boleh terurai secara semula jadi (*biodegradable*) seperti kertas, kayu, buluh, daun atau bahan berasaskan tumbuhan. Walau bagaimanapun, istilah ini tidak merangkumi produk plastik sekali guna yang tidak menyokong prinsip pengurangan sisa dan penggunaan sumber secara mampan.

(4) Penjaja Sementara/Bergerak

Penjaja sementara merujuk kepada peniaga makanan atau minuman yang beroperasi secara tidak kekal di lokasi tertentu menggunakan struktur sementara seperti khemah, kanopi atau gerai mudah alih.

Penjaja bergerak merujuk kepada peniaga makanan atau minuman yang menjalankan perniagaan menggunakan kenderaan atau platform bergerak seperti food truck, jualan dari kenderaan (*car boot sale*) atau kaedah lain yang berpindah dari satu lokasi ke lokasi yang lain.

Bagi tujuan garis panduan ini, penjaja sementara/bergerak merujuk kepada mana-mana penjaja yang menjalankan aktiviti jualan, penyediaan, penyajian, penghidangan, pembungkusan atau penyerahan makanan dan minuman di dalam kawasan UM, termasuk yang dilantik oleh portfolio, PTj, persatuan pelajar, agensi luar atau mana-mana pihak yang menganjurkan program atau menggunakan fasiliti UM.

6. Pelaksanaan

Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna (*Zero Single-Use Plastics*) dilaksanakan secara berfasa seperti berikut:

(1) Fasa 1

Penggunaan botol kaca, jag air dan seumpamanya di semua portfolio dan PTj sebagai langkah awal menghentikan penggunaan botol plastik sekali guna di kampus.

(2) Fasa 2

Penggunaan perkakas makanan dan minuman yang boleh diguna semula bagi tujuan penyajian, penghidangan, pembungkusan atau penyerahan dalam semua majlis rasmi, program dan aktiviti. Sekiranya penggunaan perkakas boleh diguna semula tidak bersesuaian atau tidak dapat dilaksanakan, penggunaan perkakas berasaskan bahan mesra alam boleh dipertimbangkan.

Kaedah pelaksanaan:

(1) Penggunaan Perkakas Makanan dan Minuman Boleh Diguna Semula

- Semua portfolio, PTj serta penaja sementara/bergerak di bawah seliaan PTj hendaklah mengutamakan penggunaan perkakas boleh diguna semula bagi tujuan penyajian, penghidangan, pembungkusan dan penyerahan makanan dan minuman dalam semua majlis rasmi, program dan aktiviti UM, termasuk program dan aktiviti pelajar, program yang dianjurkan oleh atau dengan kerjasama UM, serta program yang melibatkan penggunaan fasiliti UM oleh pihak luar. Sekiranya penggunaan perkakas boleh guna semula tidak bersesuaian atau tidak dapat dilaksanakan, penggunaan perkakas berasaskan bahan mesra alam boleh dipertimbangkan.
- Penggunaan perkakas makanan dan minuman plastik sekali guna adalah tidak dibenarkan, kecuali dalam keadaan luar jangka seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 6(6) (Kecemasan).
- Penganjur digalakkan mengoptimumkan kaedah hidangan yang lebih mampan seperti hidangan bufet, sistem hidangan berpusat (*central serving*), penggunaan stesen isian air (*water dispenser*), serta penggunaan perkakas makanan dan minuman boleh guna semula bagi mengurangkan penjejakan sisa.



(2) Peranan Pentadbir dan Pematuhan Program

- Pentadbir di semua portfolio dan PTj hendaklah memastikan pematuhan terhadap garis panduan ini dalam perancangan, perolehan, pelantikan vendor serta pelaksanaan semua majlis rasmi, program dan aktiviti yang melibatkan penyajian, penghidangan, pembungkusan dan penyerahan makanan dan minuman.
- Garis panduan ini turut terpakai bagi program yang dianjurkan oleh UM, dianjurkan bersama agensi atau organisasi luar, serta program yang dilaksanakan oleh pihak luar menggunakan fasiliti UM. Pematuhan terhadap garis panduan ini hendaklah dijadikan salah satu rujukan dalam proses perancangan dan kelulusan program.
- Sebarang ketidakpatuhan hendaklah ditangani melalui saluran pentadbiran yang berkaitan dan dirujuk kepada UMSDC bagi tindakan susulan dan penambahbaikan.

(3) Perolehan, Perjanjian dan Spesifikasi Terhadap Vendor

- Semua urusan tempahan, perolehan atau perkhidmatan makanan dan minuman hendaklah menetapkan penggunaan perkakas boleh diguna semula sebagai keutamaan bagi tujuan penyajian, penghidangan, pembungkusan dan penyerahan makanan dan minuman.
- Sekiranya penggunaan perkakas boleh diguna semula tidak bersesuaian atau tidak dapat dilaksanakan, penggunaan perkakas berasaskan bahan mesra alam hendaklah dipertimbangkan sebagai alternatif.
- Keperluan pematuhan ini hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam dokumen perolehan, sebut harga, kontrak, perjanjian perkhidmatan atau apa-apa dokumen berkaitan dengan vendor atau pembekal perkhidmatan bagi memastikan pelaksanaan garis panduan ini dipatuhi.
- Semua portfolio dan PTj hendaklah memastikan vendor, termasuk penaja sementara/bergerak di bawah seliaan PTj, mematuhi keperluan tersebut sepanjang tempoh penyediaan perkhidmatan.

(4) Kebersihan, Pengendalian dan Keselamatan

- Penganjur program, vendor dan pihak berkaitan bertanggungjawab memastikan semua perkakas makanan dan minuman dikendalikan, disimpan dan digunakan secara bersih, selamat serta mematuhi keperluan keselamatan dan kebersihan makanan yang ditetapkan.
- Perkakas makanan dan minuman yang rosak, retak, pecah atau tidak lagi sesuai digunakan hendaklah diganti atau dilupuskan mengikut kaedah yang bersesuaian.

(5) Pelupusan dan Pengurusan Sisa

- Perkakas makanan dan minuman yang tidak lagi boleh digunakan hendaklah dilupuskan mengikut kategori bahan dan amalan pengurusan sisa yang ditetapkan oleh UM.
- Bahan yang boleh dikitar semula hendaklah diasingkan dan dihantar ke kemudahan kitar semula atau pusat pengumpulan yang disediakan oleh universiti, jika berkaitan.

(6) Kecemasan

- Dalam keadaan luar jangka seperti gangguan bekalan air, bencana, kerosakan fasiliti atau situasi lain yang menjejaskan pelaksanaan garis panduan ini, penggunaan perkakas makanan dan minuman plastik sekali guna boleh dipertimbangkan sebagai langkah sementara. Penggunaannya hendaklah diminimumkan dan hanya bagi memenuhi keperluan yang tidak dapat dielakkan.
- Sekiranya penggunaan perkakas makanan dan minuman plastik sekali guna tidak dapat dielakkan, penganjur atau pihak yang bertanggungjawab hendaklah memastikan semua sisa plastik dikumpulkan, diasingkan dan diuruskan dengan sewajarnya sepanjang dan selepas program atau aktiviti berlangsung.
- Semua sisa hendaklah diuruskan mengikut amalan pengurusan sisa UM. Bahan yang boleh dikitar semula hendaklah diasingkan dan dihantar ke kemudahan kitar semula yang disediakan bagi meminimumkan pelupusan sisa ke tapak pelupusan (*landfill*).



7. Pematuhan dan Pemantauan

- (1) UMSDC bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan Garis Panduan dan Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna (*Zero Single-Use Plastics*) di UM dengan kerjasama semua portfolio dan PTj.
- (2) Jawatankuasa Keselamatan Makanan UM (JKMUM) serta Pegawai Kemampanan yang dilantik di setiap portfolio dan PTj berperanan membantu memantau pematuhan terhadap garis panduan ini, menggalakkan pelaksanaan amalan terbaik serta memperkukuh agenda kemampanan di peringkat masing-masing.
- (3) Semua portfolio, PTj serta penjaja sementara/bergerak di bawah seliaan PTj hendaklah mematuhi garis panduan ini dalam penganjuran semua majlis rasmi, program dan aktiviti yang melibatkan penyajian, penghidangan, pembungkusan dan penyerahan makanan dan minuman.
- (4) UMSDC berhak menjalankan pemantauan, penilaian pematuhan dan mendapatkan maklum balas daripada portfolio, PTj serta pihak berkaitan, di samping mengemukakan laporan dan cadangan penambahbaikan kepada pihak pengurusan UM bagi memastikan garis panduan ini dilaksanakan secara berterusan, berkesan dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

8. Penutup

Garis panduan ini hendaklah dirujuk dalam pelaksanaan semua majlis rasmi, program dan aktiviti yang melibatkan penyajian, penghidangan, pembungkusan dan penyerahan makanan dan minuman supaya pelaksanaan inisiatif Sifar Plastik Sekali Guna dapat dikendalikan secara teratur, sistematik dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

Pelaksanaan yang berkesan memerlukan kerjasama dan komitmen berterusan daripada semua pihak berkaitan. Garis panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.



LAMPIRAN


Hierarki Tindakan Pembudayaan Sifar Plastik Sekali Guna

Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna di UM berasaskan Prinsip Keutamaan Tindakan, dengan tindakan diutamakan mengikut hierarki berikut: menghentikan penggunaan, mengurangkan penggunaan, menggunakan semula, memilih alternatif mesra alam serta mengitar semula atau melupuskan bahan secara bertanggungjawab.



Panduan Bergambar Perkakas Makanan dan Minuman

Nota: Senarai ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

★ KEUTAMAAN ★		
Penyedut minuman besi ✓	Kutleri besi/seramik ✓	Pinggan/mangkuk kaca/melamin ✓
		
Pinggan/mangkuk plastik boleh guna semula ✓	Beg jenis kain ✓	Bekas makanan boleh guna semula ✓
 *Berkualiti tinggi		
Mangkuk tingkat ✓	Jug air ✓	Cawan keluli tahan karat ✓
		
Mug/cawan kaca/seramik ✓	Cawan plastik/melamin boleh guna semula ✓	Sos piring kaca ✓
	 *Berkualiti tinggi	



TIDAK DIBENARKAN



Penyedut minuman plastik ❌



Kutleri plastik ❌



Beg plastik bertangkai ❌



Botol air plastik ❌



Air dalam cawan plastik bertutup sekali guna ❌



Cawan plastik sekali guna ❌



Air bungkus plastik ❌



Air bungkus dalam kole/pasu/mangkuk ❌



Bekas makanan plastik sekali guna lutsinar ❌



Bekas makanan plastik sekali guna ❌




Bekas polisterin ❌



Piring sos plastik sekali guna ❌



 TIDAK DIBENARKAN 		
Mangkuk plastik sekali guna  	Mangkuk polisterin  	Pinggan plastik sekali guna  
Pinggan polisterin  	Bekas sandwich lutsinar plastik sekali guna  	Bekas kuih lutsinar plastik sekali guna  
Pemegang cawan plastik pakai buang  	Garpu pencuci mulut dan buah-buahan plastik pakai buang  	Pengacau minuman (<i>stirrer</i>) plastik  

Nota: Penggunaan perkakas berasaskan bahan mesra alam hanya boleh dipertimbangkan sekiranya penggunaan perkakas yang boleh diguna semula tidak bersesuaian atau tidak dapat dilaksanakan.

ALTERNATIF BERASASKAN BAHAN MESRA ALAM



Penyedut minuman kertas/biodegradasi	Kutleri kayu	Pengacau (<i>stirrer</i>) kayu
Beg kertas	Bekas kertas	Kertas bungkus
Bekas jenis biodegradasi	Mangkuk kertas terbuka/tertutup	Cawan/pinggan kertas
Sos dalam bekas kertas	Pembungkusan karton aseptik/tin aluminium	Pembungkus berasaskan daun
	 *Perlu dikumpul dan dikitar semula	

Nota: Pengecualian diberikan berdasarkan tahap kesediaan pasaran yang mungkin masih mempunyai alternatif mesra alam yang terhad.

PENGECUALIAN		
Plastik bungkus berkuah	Penutup plastik pada cawan kertas	Penutup plastik pada mangkuk kertas
 *Hanya untuk makanan berkuah		

Senarai Semak Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna

SEBELUM PROGRAM

- ☐ Maklumkan keperluan Sifar Plastik Sekali Guna kepada urus setia, katerer dan vendor yang terlibat.
- ☐ Maklumkan atau galakkan peserta membawa botol, cawan atau bekas sendiri, jika bersesuaian.
- ☐ Utamakan penggunaan perkakas makanan dan minuman boleh guna semula bagi tujuan penyajian, penghidangan, pembungkusan atau penyerahan.
- ☐ Sediakan jag air atau stesen isian air bagi mengelakkan penggunaan botol air plastik sekali guna.
- ☐ Sekiranya penggunaan perkakas boleh guna semula tidak bersesuaian atau tidak dapat dilaksanakan, pertimbangkan penggunaan perkakas berasaskan bahan mesra alam.
- ☐ Pastikan kemudahan pengasingan dan pengurusan sisa yang bersesuaian tersedia.

SEMASA PROGRAM

- ☐ Pastikan perkakas yang digunakan bagi penyajian, penghidangan, pembungkusan atau penyerahan makanan dan minuman mematuhi garis panduan.
- ☐ Elakkan penggunaan atau pemberian perkakas sekali guna yang tidak diperlukan.
- ☐ Pastikan sisa diasingkan dan dimasukkan ke dalam bekas yang betul.

SELEPAS PROGRAM

- ☐ Pastikan perkakas boleh guna semula dikumpulkan, dibersihkan dan disimpan untuk kegunaan seterusnya.
- ☐ Pastikan sisa dan bahan yang boleh dikitar semula dikumpulkan dan diuruskan dengan sewajarnya.
- ☐ Catat sebarang ketidakpatuhan atau cabaran untuk tindakan penambahbaikan.
- ☐ Kongsi amalan baik atau cadangan penambahbaikan, jika berkaitan.

Klausa Standard Sifar Plastik Sekali Guna

Klausa Sifar Plastik Sekali Guna Universiti Malaya


Vendor/penyedia perkhidmatan hendaklah mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna UM yang sedang berkuat kuasa.

Bagi penyajian, penghidangan, pembungkusan atau penyerahan makanan dan minuman:

- 1.penggunaan perkakas makanan dan minuman yang boleh diguna semula hendaklah diutamakan;
- 2.penggunaan perkakas makanan dan minuman plastik sekali guna yang tidak dibenarkan di bawah garis panduan UM hendaklah dielakkan;
- 3.sekiranya penggunaan perkakas boleh guna semula tidak bersesuaian atau tidak dapat dilaksanakan, perkakas berasaskan bahan mesra alam boleh dipertimbangkan; dan
- 4.bahan dan sisa selepas penggunaan hendaklah diasingkan dan diuruskan dengan kaedah yang bersesuaian, jika berkenaan.

Klausa Ringkas

Penyediaan makanan dan minuman hendaklah mematuhi keperluan berkaitan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna UM yang sedang berkuat kuasa dengan mengutamakan penggunaan perkakas makanan dan minuman yang boleh diguna semula.



Bersama-sama kita bantu mengurangkan sisa plastik yang berakhir di tapak pengumpulan dan pelupusan sampah.

Sebarang aduan, pertanyaan, cadangan, atau maklum balas boleh disalurkan kepada:

Pusat Pembangunan Mampan (UMSDC) |
Sustainable Development Centre (UMSDC)

 umsdc@um.edu.my

 sustainability.um.edu.my





Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
um.edu.my

